

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN  
SKIM PENYELIDIK MUDA**

---

**KAJIAN LITERATUR: SUMBER-SUMBER STRES  
PEKERJAAN BAGI KALANGAN  
PENGURUS DAN PROFESIONAL**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CHUA BEE SEOK  
SEKOLAH PSIKOLOGI & KERJA SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**7 DISEMBER 1999**

**SPKS-LP**

**RC**

**455.4**

**S87**

**C483**

**1999**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **KAJIAN LITERATUR: SUMBER-SUMBER STRES PEKERJAAN BAGI GOLONGAN PENGURUS DAN PROFESIONAL**

**CHUA BEE SEOK**  
Sekolah Psikologi Dan Kerja Sosial  
Universiti Malaysia Sabah

## **SINOPSIS**

*Kajian literatur ini adalah bertujuan untuk meninjau sumber-sumber stres/ stressor pekerjaan bagi golongan pengurus dan profesional dalam organisasi. Tinjauan ini adalah berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas. Dalam meninjau model teoritikal stres pekerjaan yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji lepas, Cooper dan Marshall (1978) telah mengemukakan lima kategori sumber stres pekerjaan. Osipaw dan Spokane (1987) pula telah membahagikan stressor pekerjaan kepada enam kategori. Quick dan Quick (1984), Ivancevich dan Matternson (1980) telah membahagikan sumber stres pekerjaan kepada empat kategori walaupun sumber stres yang dikemukakan itu adalah berbeza antara pengkaji-pengkaji itu. Selain daripada itu, pengkaji seperti Schuler (1982), Rout, Cooper dan Rout (1996) juga telah mengemukakan kerangka teoritikal masing-masing dalam kajian mereka. Daripada kerangka teoritikal stres pekerjaan yang dikemukakan itu secara keseluruhannya boleh dikategorikan dalam dalam enam kategori sumber stres/ stressor yang kerap dihadapi oleh pekerja-pekerja: Keadaan fizikal tempat kerja, peranan stressor, struktur organisasi dan ciri-ciri pekerjaan berkenaan, hubungan dengan orang lain, perkembangan dalam kerjaya dan konflik kerja-keluarga. Setiap kategori stres pekerjaan itu kemudian dibincangkan dengan lebih khusus dalam kertas kerja ini.*

## **PENGENALAN**

Kajian literatur ini adalah bertujuan untuk meninjau sumber-sumber stres/ stressor pekerjaan bagi golongan pengurus dan profesional dalam organisasi. Tinjauan ini adalah berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas. Tinjauan ini bukan sahaja bermanfaat dalam kajian pengkaji nanti tetapi juga penting sebagai idea dalam proses menangani atau merancang strategi untuk mengatasi masalah stres pekerjaan yang dihadapi oleh golongan ini.

